

SURAT SETUJU TERIMA PERKHIDMATAN KEPAKARAN

Rujukan Kami : MPC.100-14/1/21

Tarikh : 7 April 2021

IEM Training Centre Sdn Bhd

Wisma IEM (1st Floor)

No. 21 Jalan Selangor,

P.O. Box 224, Jalan Sultan,

46720 Petaling Jaya,

Selangor.

LANTIKAN PERKHIDMATAN TENAGA PENGAJAR DAN PENULIS LAPORAN BAGI PROGRAM PILOT: GROWING MALAYSIAN SUSTAINABLE ENGINEERING CONSULTANCY FIRMS

TARIKH PROGRAM: APRIL – JUN 2021

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebutharga syarikat puan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia : Dua Puluh Ribu Sahaja (RM 20,000.00)**

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam Surat Pekeliling KP MPC Perkhidmatan Kepakaran dan Elaun Lain Bagi Bukan Penjawat Awam, serta berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pegawai program **(Rujuk Terms Of Reference (TOR))**

3. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat atau pihak puan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat puan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan.

4. Syarikat atau pihak puan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat atau puan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat atau puan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;

- (c) syarikat atau puan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat atau puan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat atau puan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat atau puan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat atau puan gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran TOR**
- (h) syarikat atau puan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- (i) syarikat puan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah atau puan/puan telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat atau puan digulungkan;
- (k) syarikat atau puan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat atau puan gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat atau puan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa atau menaikkan nilai

tawaran; atau

- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

5. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat puan termasuk kerugian masa hadapan.

6. Syarikat atau puan berhak menolak tawaran sekiranya tidak bersetuju dengan harga atau terma yang telah diberikan oleh pegawai program. Sila maklumkan emel penolakan kepada Unit Perolehan dengan emel kepada Puan Wan Khairunnisa Azmi: khairunnisa@mpc.gov.my atau Cik Jennifer Kavithambigai Panir Silvam: jennifer@mpc.gov.my dalam **tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat ini**.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MAHADI HASBULLAH)
Pengurus Kanan
Unit Perolehan
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)